

08 JUL 1999

Abdullah-Putrajaya

PEMBANGUNAN PUTRAJAYA TIDAK MEMBAZIR, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 8 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata pembangunan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan, Putrajaya bukan satu pembaziran sebaliknya merupakan pelaburan untuk masa depan.

Pembangunan kawasan itu boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan kemajuan kawasan di sekitarnya seperti Sepang, Dengkil, Seremban hingga ke Melaka, katanya.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang di sini, beliau berkata selain menjadi pusat pentadbiran, Putrajaya juga membangunkan pusat komersil dan penempatan baru.

Katanya perancangan kerajaan amat teliti apabila membangunkan kawasan Putrajaya sebagai kawasan baru pentadbiran kerajaan bagi menggantikan Kuala Lumpur yang semakin sesak dan sudah pastinya pembangunan itu memberi faedah kepada rakyat.

Beliau mengulas kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor bahawa parti itu akan melelong pusat pentadbiran Putrajaya kepada raja-raja yang terkaya di dunia jika parti itu menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Abdullah berkata pembangunan Putrajaya bukan hanya untuk kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malahan untuk kerajaan-kerajaan pada masa akan datang kerana pentadbiran negara akan terus berkembang.

Selain pusat pentadbiran, kawasan itu juga terletak dalam kawasan pembangunan Koridoraya Multimedia (MSC) yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk teknologi tinggi dan teknologi maklumat (IT) serta menempatkan Cyberjaya, antara bandar raya pintar pertama di dunia yang akan membawa Malaysia ke era siber.

Fadzil dilaporkan berkata projek pembangunan Putrajaya dan projek mega yang lain adalah membazir dan kerajaan mengabaikan keperluan penting rakyat seperti menyediakan biasiswa kepada pelajar yang memerlukan.

Timbalan Perdana Menteri menyifatkan PAS tidak boleh berfikir jauh dan lebih gemar membuat perancangan yang kecil kerana takut dikatakan membazir.

"Itulah rancangan PAS dan mereka tidak boleh berfikir lebih jauh lagi. Kalau ikutkan PAS, semuanya hendak yang kecil-kecil belaka kerana jika bina projek yang besar dianggap membazir," katanya.

Mengenai mesyuarat badan perhubungan Umno negeri itu, beliau berkata mereka membincangkan persediaan menghadapi pilihan raya umum dan mengatur beberapa siri ceramah untuk tujuan itu.

Abdullah sebelum itu mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (JKP) dan antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu ialah untuk meningkatkan lagi industri pelancongan di negeri ini selaras dengan kehendak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Industri itu dikenalpasti sebagai berpotensi di negeri ini dan disebabkan itu JKP memberikan penekanan terhadap beberapa projek pelancongan, katanya.

-- BERNAMA

ZU AA RON